

UMS alu-alukan kedatangan pelajar baharu pascasiswazah

UB 1.3.2018 B2

PENDAFTARAN pelajar baharu pascasiswazah UMS pada 24 Februari 2018 menyaksikan seramai 217 pelajar mengikuti pengajian pascasiswazah.

Daripada jumlah itu, seramai 160 orang mengikuti kaedah penyelidikan sepenuh masa, manakala 57 orang lagi mengambil pengajian sarjana secara kerja kursus menerusi Pusat Luar UMS (PLUMS).

Pada semester kali ini, seramai 79 orang berdaftar sebagai pelajar Doktor Falsafah di pelbagai fakulti dan institut di UMS.


Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah Prof Dr Hj Arshiah Hj Bahron mengalu-alukan kehadiran pelajar baharu itu semasa Sesi Pengenalan Pusat Pengajian Pascasiswazah yang diadakan pada 26 Februari bertempat di Dewan Kuliah Perdana 18 UMS.

Dalam ucapan aluannya, Arshiah menekankan peri pentingnya para pelajar mengikuti kursus-kursus pengenalan kaedah penyelidikan bagi membolehkan mereka memulakan pengajian secara teratur dan berfokus.

"Kursus metodologi penyelidikan selama seminggu diwajibkan kepada para pelajar baharu bagi memastikan mereka mengetahui beberapa perkara asas yang penting," katanya.

Selain itu, beliau juga mengingatkan para pelajar yang mengikuti pengajian sepenuh masa agar berusaha mendisiplinkan diri mereka ketika berada di dalam kampus secara berjadual.

Kepada para pelajar yang mendapat cuti belajar daripada majikan, beliau turut berkongsi pengalaman



TIMBALAN Pendaftar Pasca memantau proses pendaftaran.

sewaktu menjadi pelajar pascasiswazah dahulu.

Menurutnya, para pelajar perlu faham maksud 'cuti belajar', yakni cuti daripada bekerja untuk belajar sekurang-kurangnya mengikut masa sepertimana sewaktu mereka bekerja.

"Dengan hal yang demikian, para pelajar akan dapat menamatkan pengajian mereka mengikut perancangan masa yang telah ditetapkan," katanya.

Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) PM Dr Fauziah Sulaiman pula menyentuh mengenai beberapa prosedur dan tatacara akademik yang wajib diketahui oleh para pelajar bagi membolehkan urusan perjalanan pengajian mereka berjalan lancar.

Beliau menjelaskan para pelajar perlu sentiasa berkomunikasi secara baik dengan penyelia masing-masing dan sentiasa mendapatkan maklumat berkaitan hal-hal pentadbiran pascasiswazah menerusi koordinator pascasiswazah di fakulti dan institut mereka.

"Ini kerana, terdapat beberapa kes pada masa yang lepas di mana para pelajar tidak mengambil

endah mengenai urusan berkaitan pengajian mereka. Akibatnya, pelajar menghadapi masalah dalam kelancaran pengajian mereka," katanya.

Timbalan Dekan Kebajikan Pelajar Dr Jakaria Dasan pula berkongsi maklumat mengenai beberapa peranan yang dimainkan oleh Seksyen Hal Ehwal Pelajar (SHEPA).

Selain mengurus Skim Bantuan Pascasiswazah, beliau memberitahu SHEPA bertanggungjawab memantau kebajikan pelajar pascasiswazah menerusi pelbagai aktiviti yang dilaksanakan oleh Persatuan Pelajar Pascasiswazah UMS atau dikenali dengan nama singkatnya PSA.

"PSA merupakan persatuan pelajar pascasiswazah yang ditadbir oleh Pusat Pengajian Pascasiswazah bagi melaksanakan pelbagai hal akademik dan bukan akademik pelajar.

"Dengan kata lain, PSA diberikan kepercayaan untuk mewujudkan satu suasana pembelajaran seimbang yang memacu intelek, rohani dan sosial, jelasnya.